

Headline **Forum Aids**
Date **11 Dec 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
38
90 cm²
Black/white
1,329
3,988



Forum Aids

KUALA LUMPUR: Sempena sambutan Hari Aids Sedunia setiap 1 Disember, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) mengadakan forum HIV/Aids yang berlangsung di ibu pejabat PBSMM di sini, kelmarin.

Dengan tema 'Hentikan Aids, Kotakan Janji', lebih 50 peserta menghadiri forum buat kali pertama di Malaysia dengan lima panel jemputan daripada Majlis Aids Malaysia (MAC), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Persekutuan Antarabangsa Persatuan Palang Merah (IFRC) Asia Pasifik dan Rangkaian HIV/AIDS Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (ART) Asia.

Naib Pengerusi Kebangsaan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Program Darah, HIV/Aids, Anti Dadah dan Derma Organ Kebangsaan, Datuk Dr Bahari Datuk Abu Mansor, berkata forum bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terutama generasi muda berusia 15 hingga 29 tahun mengenai jangkitan HIV/Aids yang bukan saja dihadapi di Malaysia, tetapi seluruh dunia.

Menurutnya, HIV/Aids bukan hanya isu kesihatan, tetapi menjadi isu keselamatan global yang perlu ditangani kerana ia memberi kesan negatif kepada pembangunan dan kemakmuran sesebuah negara seandainya penyakit itu berleluasa.

"Objektif forum ini untuk menunjukkan kepada masyarakat bahawa PBSMM memandang serius masalah ini walaupun kami bukan badan bukan kerajaan (NGO) yang dipertanggungjawabkan dalam hal ini," katanya.